



KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA

SOALAN LAZIM MENGENAI **VAKSIN DAN IMUNISASI** **COVID-19**





**BAHAGIAN
1**

**SOALAN UMUM
MENGENAI VAKSIN DAN
PROGRAM IMUNISASI
KEBANGSAAN**



1

APA ITU COVID-19?

Penyakit COVID-19 disebabkan oleh coronavirus yang disebut SARS-CoV-2. Virus ini boleh menyebabkan jangkitan pada saluran pernafasan yang mungkin menyebabkan gejala seperti selesema biasa sehingga ke tahap radang paru-paru (pneumonia) yang teruk. Gejala mungkin muncul 2 hingga 14 hari selepas terdedah kepada virus.

Gejala yang mungkin dialami adalah:



2

SIAPAKAH GOLONGAN BERISIKO TINGGI UNTUK MENDAPAT JANGKITAN COVID-19?

Golongan berisiko adalah:

- Kanak-kanak
- Warga emas berusia 60 tahun dan ke atas
- Pesakit dengan penyakit kronik
- Pesakit dengan daya ketahanan badan yang rendah
- Wanita hamil

3 APAKAH ITU VAKSIN?

Vaksin adalah satu produk yang dihasilkan dari sebahagian atau keseluruhan struktur virus atau bakteria yang telah dimati atau dilemahkan, atau dari protein subunit dari virus, atau dari jujukan genetik yang akan menghasilkan protein tertentu. Vaksin berfungsi merangsang sistem imun tubuh membentuk imuniti terhadap jangkitan penyakit khusus.

Jenis-jenis vaksin:

Bil.	Jenis Vaksin	Kandungan
i)	<i>Inactivated Virus Vaccine</i>	Mengandungi virus atau bakteria yang telah dimatikan (contoh vaksin keluaran Sinovac)
ii)	<i>Live-attenuated Virus Vaccine</i>	Mengandungi virus atau bakteria yang telah dilemahkan
iii)	<i>Protein Subunit Vaccine</i>	Mengandungi protein subunit virus atau bakteria
iv)	<i>Toxoid Vaccine</i>	Mengandungi <i>toxoid</i> yang telah dilemahkan
v)	<i>Viral Vector Vaccine</i>	Mengandungi ubah suai virus (vektor) untuk menyampaikan kod genetik antigen (contoh vaksin keluaran AstraZeneca dan Gamaleya)
vi)	<i>Nucleic Acid Vaccine:</i>	Mengandungi DNA atau RNA coding daripada protein virus (contoh vaksin keluaran Pfizer BioNTech dan Moderna)

4 APAKAH KEPENTINGAN MENGAMBIL VAKSIN COVID 19?

Vaksin COVID-19 diberikan untuk mengawal penularan penyakit COVID-19. Apabila semakin ramai orang mendapat vaksinasi, semakin ramai penduduk membentuk antibodi dan seterusnya mengurangkan kebarangkalian berlaku komplikasi penyakit COVID-19 yang lebih teruk. Secara tidak langsung ia boleh melindungi golongan yang berisiko yang tidak layak menerima vaksinasi.

Kadar keberkesanan vaksin diukur melalui ujian klinikal yang melibatkan ribuan individu. Ujian ini dilakukan dengan membahagikan individu yang terlibat kepada dua kumpulan dalam jumlah yang sama. Satu kumpulan diberi vaksin dan satu lagi kumpulan diberi plasebo. Selepas itu, kedua-dua kumpulan menjalankan kehidupan seperti biasa. Sementara itu, para saintis memantau adakah mereka dijangkiti COVID-19 selama satu jangka masa yang ditetapkan.

Sekiranya jumlah individu yang dijangkiti COVID-19 adalah sama antara kedua-dua kumpulan, ini bermakna seseorang itu boleh dijangkiti walaupun sudah divaksinasi. Jadi, keberkesanan vaksin adalah 0% atau tidak berkesan. Sekiranya semua 170 individu yang dijangkiti dalam kumpulan plasebo dan tiada individu yang divaksin dijangkiti COVID-19, maka vaksin berkenaan mempunyai keberkesanan 100%.

Namun demikian, harus difahami bahawa setiap kajian klinikal vaksin dilakukan dalam konteks yang berbeza (kadar kes di tempat kajian, kehadiran varian yang berbeza dan parameter keberkesanan yang diukur) dan keadaan tersebut boleh mempengaruhi peratusan keberkesanan vaksin yang diuji. Parameter keberkesanan vaksin boleh diukur melalui tindak balas vaksin yang menghalang simptom COVID-19 berlaku menghindari simptom yang teruk, dan menghalang jangkitan atau transmisi jangkitan. Sehingga kini, kajian keberkesanan yang telah dijalankan menunjukkan semua jenis vaksin COVID-19 adalah hampir 100% berkesan menghindari simptom yang teruk.

APAKAH JENIS VAKSIN YANG AKAN DIGUNAKAN DI MALAYSIA?

Terdapat beberapa jenis vaksin yang akan digunakan di Malaysia iaitu:

▶ Vaksin COVID-19 mRNA keluaran Pfizer-BioNtech (Comirnaty)






▶ Vaksin COVID-19 *viral vector* keluaran AstraZeneca (Vaxzevria, Covishield)

▶ Vaksin COVID-19 *inactivated* keluaran Sinovac (CoronaVac)

▶ Vaksin COVID-19 *recombinant viral vector* keluaran CanSinoBIO

▶ Vaksin COVID-19 *viral vector* keluaran Gamaleya (Sputnik V)


Vaksin hanya boleh dibawa masuk ke Malaysia dan digunakan setelah dinilai oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) dan diluluskan pendaftaran oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD). Selain itu, jenis vaksin yang digunakan juga bergantung kepada vaksin yang terdapat di pasaran pada sesuatu masa.

					
Jenis vaksin	mRNA	<i>Viral vector</i>	<i>Inactivated</i>	<i>Viral vector</i>	<i>Viral vector</i>
Negara pengeluar asal	USA	UK	China	China	Netherlands
Bilangan dos	2	2	2	1	1
Sela masa antara dua dos	3 – 6 minggu	4 – 12 minggu	2 – 4 minggu	-	-
Suhu penyimpanan	-70 °C sehingga 6 bulan (2 – 8 °C sehingga 30 hari)	2 – 8 °C	2 – 8 °C	2 – 8 °C	2 – 8 °C
Peratus populasi diliputi	50%	20%	20%	20%	20%
Keberkesanan	95%	62 – 90%	50.4 – 91.3%	65.7%	66.3%

BAGAIMANA VAKSIN COVID-19 JENIS mRNA BERTINDAK DI DALAM TUBUH BADAN?

Vaksin mRNA akan menterjemahkan jujukan genetik untuk menghasilkan protein tertentu COVID-19 yang unik dikenali sebagai "spike protein". "Spike protein" ini akan merangsang pembentukan antibodi yang spesifik terhadap COVID-19 dan boleh bertindak balas sekiranya terdapat jangkitan COVID-19 pada masa akan datang.

SOALAN LAZIM BERKENAAN VAKSIN COVID-19 KELUARAN PFIZER (COMIRNATY®)



1

Bagaimana vaksin COMIRNATY® bertindak di dalam tubuh badan?

Vaksin COMIRNATY® adalah menggunakan teknologi vaksin jenis mRNA (*messenger ribonucleic acid*). Vaksin mRNA terdiri daripada jujukan genetik yang diselaputi oleh bahan yang boleh melindungi mRNA daripada tindakbalas enzim di dalam badan dan memastikan mRNA dapat memasuki sel imun tertentu seperti sel dendritik dan makrofaj di dalam nodul limfa yang berdekatan kawasan suntikan.

Vaksin mRNA akan menterjemahkan jujukan genetik untuk menghasilkan protein tertentu COVID-19 yang unik yang dikenali sebagai "spike protein". "Spike protein" ini boleh merangsang imuniti badan tanpa menyebabkan penyakit.

Vaksin mRNA akan dimusnahkan oleh enzim di dalam sel selepas "spike protein" dihasilkan. Jujukan mRNA ini tidak memasuki nukleus dan tidak melibatkan bahan genetik DNA di dalam sel.

"Spike protein" yang dihasilkan oleh mRNA kan merangsang pembentukan antibodi yang spesifik terhadap COVID-19 dan boleh bertindakbalas sekiranya terdapat jangkitan COVID-19 pada masa akan datang.

SUMBER: IMR

50181 comms@mh

8

BOLEHKAH VAKSIN COVID-19 JENIS mRNA MENGUBAH DNA ATAU GENETIK SESEORANG?

Tidak. Vaksin mRNA tidak boleh mengubah DNA atau genetik seseorang kerana mRNA tidak memasuki nukleus di dalam sel dan tidak akan bertindak balas dengan DNA. Vaksin mRNA akan dimusnahkan oleh enzim dalam sel selepas “spike protein” dihasilkan.

9

ADAKAH PENGAMBILAN VAKSIN COVID-19 JENIS mRNA AKAN MENJEJASKAN TAHAP KESUBURAN?

Pengambilan vaksin mRNA tidak mengubah tahap kesuburan seseorang. Antibodi yang dihasilkan selepas menerima vaksin tidak menyerang atau mengganggu sistem kesuburan wanita ataupun lelaki.

10

SIAPAKAH YANG LAYAK MENERIMA VAKSIN COVID-19?

Semua penduduk Malaysia berusia 18 tahun yang layak boleh menerima vaksin COVID-19. Keutamaan diberikan kepada petugas barisan hadapan, mereka yang berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan COVID-19 seperti warga emas, pesakit dengan masalah perubatan seperti pesakit jantung, kencing manis, darah tinggi, asma, kanser dan sebagainya.

11 ADAKAH VAKSIN COVID-19 BOLEH DIBERIKAN KEPADA KANAK-KANAK?

Pada 15 Jun 2021, Pihak Berkuasa Kawalan Dadah telah meluluskan penggunaan vaksin Pfizer BioNtech (Comirnaty) untuk kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke atas. Walau bagaimanapun, data keselamatan dan keberkesanan pada golongan kanak-kanak untuk vaksin-vaksin lain masih terus dipantau. Buat masa ini vaksin COVID-19 hanya akan diberikan kepada kanak-kanak yang mempunyai risiko tinggi selepas pakar mengenal pasti bahawa manfaat yang diperolehi lebih daripada risiko yang mungkin dihadapi setelah menerima vaksin (*benefit outweighs the risk*). Pelaksanaan pemberian vaksin kepada kanak-kanak akan diumumkan dari masa ke semasa.

12 SIAPA YANG TIDAK LAYAK MENERIMA VAKSIN COVID-19?

Anda tidak layak menerima vaksin COVID-19 sekiranya anda mempunyai:

- Sejarah reaksi alahan teruk setelah mengambil sebarang ubat atau makanan atau kepada bahan yang tidak diketahui (reaksi alahan dianggap teruk sekiranya individu tersebut perlu diberi rawatan di hospital)
- Reaksi alahan yang teruk setelah menerima dos pertama vaksin
- Reaksi alahan yang teruk terhadap kandungan vaksin
- Reaksi alahan kepada sebarang kandungan vaksin mRNA walaupun tidak teruk (reaksi alahan yang berlaku dalam tempoh 4 jam selepas menerima suntikan vaksin mRNA COVID-19)

Nota: Individu yang mengalami reaksi ini setelah menerima dos pertama vaksin mRNA COVID-19 tidak akan diberikan dos kedua

13 ADAKAH SAYA BOLEH MENERIMA VAKSIN SEKIRANYA MEMPUNYAI SEJARAH ALAHAN?

Anda tidak boleh menerima vaksin COVID-19 sekiranya anda mempunyai sejarah reaksi alahan teruk atau sejarah anafilaksis setelah mengambil sebarang vaksin/ ubat/ makanan.

Namun, individu yang mempunyai pelbagai alahan tanpa reaksi alahan teruk boleh menerima vaksin COVID-19.

Individu yang mempunyai sejarah alahan yang teruk dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor bagi menilai kesesuaian penerimaan vaksin COVID-19 dan mendapatkan pengesahan sebelum tarikh temu janji.

14 BOLEHKAH SESEORANG YANG MEMPUNYAI PENYAKIT SEPERTI DIABETES, TEKANAN DARAH TINGGI DAN SEBAGAINYA MENGAMBIL VAKSIN COVID-19?

Boleh. Mereka yang dikategorikan sebagai golongan berisiko tinggi yang mempunyai penyakit kronik boleh mengambil vaksin COVID-19, malah pengambilan vaksin COVID-19 amat digalakkan. Bagi pesakit yang dalam keadaan sistem imun (pertahanan badan) yang lemah akibat penyakit atau rawatan seperti pesakit HIV atau pesakit kanser yang sedang menerima kemoterapi, anda boleh mendapatkan maklumat lanjut dan nasihat daripada doktor yang merawat anda sebelum mendapat vaksin COVID-19.

15 ADAKAH SAYA BOLEH MENERIMA VAKSIN COVID-19 SEKIRANYA SAYA MENGALAMI MASALAH BERIKUT?

- Mempunyai sejarah alahan yang teruk
- Mengalami masalah pendarahan (*bleeding disorder*) seperti *Haemophilia*, *Idiopathic Thrombocytopenic Purpura* (IT) dan sebagainya
- Sedang mengambil rawatan ubat-ubatan pencair darah
- Sedang mendapat rawatan yang merendahkan sistem imun badan
- Telah menerima vaksin COVID-19 daripada jenama yang lain

Anda dinasihatkan untuk berjumpa doktor pakar terlebih dahulu untuk menentukan kesesuaian penerimaan vaksin COVID-19

16 SAYA MENGIDAPI PENYAKIT YANG MEMPENGARUHI SISTEM IMUN BADAN (CONTOHNYA PENYAKIT AUTOIMUN, KANSER, HIV, SLE). ADAKAH SAYA BOLEH MENERIMA VAKSIN COVID-19?

Anda dinasihatkan untuk bertemu dengan doktor yang merawat anda bagi mendapat penerangan lanjut sebelum menerima vaksin. Hal ini disebabkan setiap individu adalah berbeza daripada segi status penyakit dan rawatan yang diterima. Bagi individu yang menerima rawatan yang mempengaruhi sistem imun mereka, terdapat kemungkinan keberkesanan vaksin adalah kurang. Maka, langkah pencegahan lain seperti pemakaian pelitup muka, kerap mencuci tangan, dan amalan penjarakan fizikal perlu diberi perhatian.

17 ADAKAH SESEORANG YANG MENDUNG Boleh MENERIMA IMUNISASI COVID-19?

Tiada kontraindikasi sekiranya seseorang yang sedang mengandung ingin mengambil vaksin COVID-19. Imunisasi boleh diberikan bermula dari minggu ke-14 kandungan sehingga minggu ke-33 kandungan. Wanita mengandung yang berisiko tinggi untuk terdedah kepada jangkitan COVID-19 seperti anggota barisan hadapan perlu diberikan perlindungan terhadap jangkitan COVID-19 melalui imunisasi. Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut daripada doktor di hospital atau klinik kesihatan terdekat.

18 ADAKAH SELAMAT UNTUK SAYA MENERIMA VAKSIN SEKIRANYA SAYA SEDANG CUBA MENDUNG?

Bagi vaksin Pfizer BioNTech (Comirnaty), saranan Panel Pakar Perbidanan dan Sakit Puan (O&G) adalah seperti berikut:

- Pengambilan vaksin COVID-19 disarankan kepada wanita sebelum mengandung, terutama kepada wanita yang berisiko tinggi untuk terdedah kepada jangkitan COVID-19 dan wanita yang menjalani rawatan kesuburan.
- Ujian kehamilan secara rutin sebelum penerimaan vaksin tidak disarankan.
- Pengambilan vaksin tidak mengubah tahap kesuburan seseorang
- Bagi wanita yang bercadang untuk menerima rawatan kesuburan, rawatan tersebut boleh dimulakan dua bulan selepas dua dos vaksin lengkap diambil.
- Wanita hamil yang disahkan mengandung selepas menerima dos pertama vaksin COVID-19 boleh memilih untuk menangguhkan dos kedua sehingga selepas minggu ke -14 tempoh kehamilan

Anda dinasihatkan untuk berbincang lanjut dengan doktor anda, bagi membincangkan kesesuaian menerima vaksin sekiranya sedang mengambil rawatan kesuburan atau disahkan mengandung.

19 ADAKAH SESEORANG YANG MENYUSU BAYI BOLEH MENERIMA IMUNISASI COVID-19?

- Tiada kontraindikasi sekiranya ibu yang menyusui bayi ingin mengambil vaksin COVID-19.
- Pemberhentian penyusuan tidak disarankan bagi ibu yang menyusukan anak.
- Pengambilan vaksin COVID-19 adalah selamat untuk bayi yang disusukan.

Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut daripada doktor di hospital atau klinik kesihatan terdekat.

20 BERAPA KALI VAKSIN AKAN DIBERIKAN?

Vaksin COVID-19 akan diberikan secara suntikan sebanyak satu atau dua dos (bergantung pada jenis vaksin) bagi memastikan perlindungan yang optimum dapat dicapai. Oleh itu, orang awam yang telah menerima dos pertama perlu menyimpan rekod tersebut bagi memastikan dos kedua dapat diberikan pada tarikh yang telah ditetapkan.

Bagi vaksin Pfizer-BioNTech (Comirnaty), pemberian suntikan dos kedua yang disarankan adalah selepas 21 hari (21 – 42 hari).

Bagi vaksin Astra Zeneca (Vaxzevria, Covishield), pemberian suntikan dos kedua yang disarankan adalah selepas 9 minggu (4 – 12 minggu).

Manakala bagi vaksin Sinovac (CoronaVac), pemberian suntikan dos kedua yang disarankan adalah selepas 21 hari (14 – 28 hari).

21 APAKAH HUKUM PENGAMBILAN VAKSIN COVID-19?

Majlis Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam yang bersidang pada 3 Disember 2020 mengambil ketetapan bahawa hukum penggunaan vaksin COVID-19 adalah harus dan wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh kerajaan.

22 ADAKAH SAYA DIBERI PILIHAN UNTUK MEMILIH JENIS VAKSIN COVID-19?

Tidak. Penerima vaksin tidak dibenarkan untuk memilih jenis vaksin COVID-19 yang akan diterima. Ia bergantung kepada bekalan stok sedia ada di pusat vaksinasi.

- Vaksin yang diluluskan untuk digunakan di Malaysia akan memenuhi standard keselamatan dan keberkesanan yang tinggi.
- Vaksin yang berbeza mempunyai keperluan logistik dan penyediaan yang berbeza, misalnya, sesetengah vaksin memerlukan keadaan yang sangat sejuk untuk penyimpanan dan kuantiti yang berbeza untuk diberikan.
- Memberi kebenaran kepada penerima memilih jenis vaksin akan menyulitkan program vaksinasi yang sudah kompleks, yang perlu dilaksanakan dengan cepat dan efisien.

Walau bagaimanapun, individu yang mempunyai kontraindikasi dengan vaksin tertentu akan diberikan vaksin yang lebih sesuai.

23 BOLEHKAH SAYA MENGAMBIL JENIS VAKSIN YANG BERBEZA?

Tidak. Penerima perlu melengkapkan jadual vaksin COVID-19 menggunakan jenama yang sama mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

24 SEKIRANYA SAYA TIDAK DAPAT MENERIMA SUNTIKAN DOS KEDUA PADA HARI YANG DITETAPKAN, BOLEHKAH SAYA MENGAMBIL SUNTIKAN DOS KEDUA KEMUDIAN?

Anda digalakkan untuk mengambil vaksin COVID-19 mengikut jadual yang ditetapkan. Namun sekiranya atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, anda perlu mendapatkan temu janji baharu di Pusat Pemberian Vaksin.

25 ADAKAH VAKSIN COVID-19 BOLEH DIBERIKAN KEPADA INDIVIDU YANG PERNAH DIJANGKITI COVID-19?

Vaksin COVID-19 boleh diberikan kepada individu yang telah sembuh daripada jangkitan COVID-19 dan sudah tamat tempoh pengasingan (kuarantin). Individu yang telah menerima *convalescent plasma* atau *monoclonal antibody* semasa rawatan COVID-19 hendaklah menangguhkan pengambilan vaksin sekurang-kurangnya 3 bulan.

Mereka yang pernah dijangkiti COVID-19 masih berisiko untuk dijangkiti sekali lagi. Buat masa ini, belum jelas berapa lama antibodi selepas jangkitan COVID-19 akan kekal dalam badan. Maka, pemberian vaksin COVID-19 bertujuan untuk mengoptimumkan paras antibodi yang memberi perlindungan terhadap jangkitan COVID-19.

26 BILAKAH ANTIBODI SESEORANG AKAN BERTINDAK SELEPAS MENERIMA VAKSIN COVID-19?

Secara umumnya, vaksin memerlukan dua minggu untuk menghasilkan tindak balas imun. Pembentukan antibodi akan meningkat secara mendadak selepas pemberian dos kedua. Pada umumnya, seseorang akan dilindungi secara optimum selepas 14 hari menerima dos kedua. Bagi vaksin yang memerlukan dos tunggal, perlindungan optimum akan diperolehi selepas 14 hingga 28 hari vaksin diberikan.

27 ADAKAH VAKSIN COVID-19 BERUPAYA MEMBERI PERLINDUNGAN 100 PERATUS?

Vaksin telah terbukti berkesan dalam mengurangkan keterukan jangkitan COVID-19. Namun, tiada vaksin yang mampu memberikan perlindungan 100%.

Buat masa ini, terdapat bukti kajian saintifik yang menunjukkan vaksin COVID-19 mengurangkan kejadian penyakit COVID-19 yang serius (mengurangkan gejala teruk dan komplikasi penyakit), tetapi sejauh mana vaksin COVID-19 mengurangkan penyebaran jangkitan dari satu individu ke individu yang lain masih dalam kajian.

28 BERAPA LAMAKAH TEMPOH PERLINDUNGAN YANG DIBERIKAN OLEH VAKSIN COVID-19?

Pada masa ini, tempoh perlindungan jangka panjang terhadap COVID-19 masih belum diketahui. Kajian klinikal masih dijalankan untuk memastikan tempoh perlindungan untuk vaksin berlainan.

Terdapat kajian yang menunjukkan tempoh perlindungan adalah 6 hingga 8 bulan, tetapi perlu disokong dengan lebih banyak kajian lagi. Vaksin ini adalah vaksin baharu dan virus SARS-CoV-2 juga adalah virus baharu muncul serta masih lagi mengalami mutasi. Terdapat pelbagai varian yang telah dikesan dan kajian saintifik untuk mengetahui keberkesanan vaksin terhadap varian baharu masih sedang dijalankan.

29 ADAKAH KERAJAAN MEWAJIBKAN PENGAMBILAN VAKSIN COVID-19?

Buat masa ini, pengambilan vaksin COVID-19 adalah secara sukarela. Individu yang terlibat perlu mengisi Borang Keizinan untuk mendapatkan suntikan vaksin tersebut.

30 BOLEH SAYA KE LUAR NEGARA SELEPAS MENDAPAT VAKSIN COVID-19 TANPA PERLU MENGAMBIL UJIAN CALITAN ATAU DIKUARANTIN SEMASA KETIBAAN?

Pada masa ini tiada lagi peraturan menetapkan bahawa seseorang pengembara boleh dikecualikan daripada prosedur sedia ada untuk merentas sempadan negara jika telah mengambil vaksin COVID-19.

Perbincangan mengenai passport imuniti masih di peringkat awal. Sekiranya dilaksanakan, pergerakan keluar masuk negara akan bermula dengan beberapa negara tertentu terlebih dahulu. Perlu diingatkan bahawa anda harus mematuhi prosedur kemasukan mana-mana negara mengikut polisi negara tersebut.

31 ADAKAH PENGECUALIAN KUARANTIN DIBERIKAN KEPADA INDIVIDU YANG TELAH DIVAKSIN?

Banyak kajian saintifik sedang dijalankan untuk melihat sama ada individu yang telah divaksin masih boleh menyebarkan jangkitan kepada orang lain. Kerajaan akan mengkaji sama ada pengecualian kuarantin kepada individu yang telah divaksin boleh dibuat setelah meneliti hasil kajian saintifik, saranan pertubuhan kesihatan antarabangsa dan pengalaman negara lain.

Setakat ini, terdapat pesakit yang disahkan COVID-19 telah dijangkiti semula selepas tiga (3) bulan dari jangkitan pertama, namun bilangannya adalah kecil. Pesakit ini sepatutnya telah mendapat imuniti semula jadi (natural immunity) selepas jangkitan kali pertama, namun masih mendapat jangkitan kali kedua. Oleh itu, pengecualian kuarantin kepada individu yang telah divaksin perlu dikaji dan diteliti lebih lanjut.

32 ADAKAH SESEORANG MASIH PERLU MEMATUHI SOP PENCEGAHAN COVID-19 SELEPAS MENERIMA VAKSIN?

Walaupun seseorang itu telah menerima dos lengkap vaksin, beliau masih perlu mengamalkan langkah pencegahan seperti mengamalkan 3W iaitu *Wash, Wear, Warn* dan mengelakkan 3C iaitu mengelakkan *Confined space* (Sempit), *Crowded place* (Sesak) dan *Close conversation* (Sembang dekat) kerana tempoh perlindungan jangka panjang belum diketahui dan imuniti kelompok belum dicapai.

33 BOLEHKAH SAYA MENDAPAT VAKSIN SELAIN DARIPADA VAKSIN COVID-19, CONTOHNYA VAKSIN INFLUENZA PADA MASA YANG SAMA SAYA MENGAMBIL VAKSIN COVID-19?

Anda harus menunggu sekurang-kurangnya 14 hari setelah menerima vaksin lain sebelum mendapat vaksin COVID-19.

34 ADAKAH VAKSIN MASIH BERKESAN SEKIRANYA VIRUS COVID-19 MENGALAMI MUTASI?

Pada masa ini, vaksin COVID-19 masih berkesan terhadap virus COVID-19 yang mengalami mutasi, namun kadar keberkesanan mungkin berbeza mengikut mutasi yang berlainan.

Para pakar mengesyorkan orang ramai mengambil vaksin dengan dos yang lengkap untuk perlindungan daripada jangkitan virus COVID-19 yang mengalami mutasi.

35 ADAKAH SAYA MASIH BOLEH DIJANGKITI VIRUS SARS-CoV WALAUPUN SAYA TELAH MENERIMA VAKSIN COVID-19?

Vaksin COVID-19 tidak memberi jaminan untuk melindungi semua orang daripada virus COVID-19.

Kemungkinan seseorang dijangkiti walaupun setelah menerima vaksin COVID-19 adalah rendah tetapi masih boleh berlaku dalam keadaan tertentu seperti berikut:

- Sistem imuniti badan anda belum menghasilkan respon antibodi yang cukup, contohnya kurang 2 minggu dari tarikh lengkap vaksinasi,
- Anda dijangkiti variant virus SARS-CoV-2 baharu justeru keberkesanan vaksin mungkin lebih rendah,
- Anda dijangkiti selepas tempoh perlindungan yang diberikan oleh vaksin berkurang (*waning immunity*).

Oleh itu, sekiranya anda didapati positif selepas menerima vaksinasi, anda masih perlu menjalani pengasingan diri untuk mengurangkan risiko jangkitan kepada orang lain.

36 ADAKAH INDIVIDU YANG TELAH MENERIMA VAKSIN COVID-19 BOLEH MENJADI PEMBAWA VIRUS TERSEBUT DAN MENJANGKITI ORANG LAIN?

Individu yang telah menerima vaksin COVID-19 akan mempunyai antibodi yang spesifik terhadap virus COVID-19. Antibodi ini boleh melindungi individu tersebut daripada penyakit COVID-19 yang serius. Sejauh mana vaksin COVID-19 mengurangkan penyebaran jangkitan dari satu individu ke individu yang lain masih dalam kajian.

37 ADAKAH KEPUTUSAN UJIAN COVID-19 SAYA AKAN MENJADI “FALSE POSITIVE” SETELAH MENERIMA VAKSIN?

Penerimaan vaksin COVID-19 tidak akan menyebabkan keputusan ujian RT-PCR atau RTK-Antigen menjadi positif kerana kedua-dua ujian tersebut digunakan untuk mengesan jujukan genetik atau antigen semasa penyakit aktif. Walau bagaimanapun, keputusan ujian antibodi seperti ujian serologi atau RTK-Antibodi mungkin menjadi positif selepas vaksinasi kerana ia mengesan antibodi atau tahap imuniti dalam badan.

38 APAKAH KESAN SAMPINGAN YANG MUNGKIN DIALAMI SELEPAS MENERIMA SUNTIKAN VAKSIN COVID-19?

Kebanyakan kesan sampingan adalah ringan, bersifat sementara dan boleh sembuh dalam masa beberapa hari dengan atau tanpa memerlukan rawatan.

Kesan sampingan ringan yang kerap dilaporkan adalah seperti berikut:

- Sakit, pembengkakan dan kemerahan di tempat suntikan
- Loya
- Letih (*tiredness*)
- Berasa tidak sihat
- Sakit kepala
- Pembengkakan kelenjar limfa
- Sakit otot
- Kesan-kesan sampingan yang mungkin akan dilaporkan dari masa ke semasa
- Menggigil
- Demam
- Sakit sendi

Kesan sampingan teruk yang jarang tetapi boleh berlaku adalah seperti berikut:

- Kesukaran bernafas
- Ruam teruk timbul di seluruh badan
- Pembengkakan muka, bibir, lidah dan/atau tekak
- Berasa pening dan lemah tubuh badan
- Denyutan jantung yang sangat cepat

39 **APAKAH PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN SELEPAS MENERIMA SUNTIKAN VAKSIN COVID-19?**

Setelah menerima suntikan vaksin COVID-19, penerima vaksin perlu:

- Berada di ruang pemerhatian yang ditetapkan sekurang-kurangnya selama 15 minit.
- Memaklumkan kepada petugas kesihatan atau mendapatkan rawatan segera sekiranya mengalami tanda-tanda kesan sampingan yang teruk selepas menerima vaksin COVID-19.
- Penerima vaksin perlu sentiasa mengamalkan norma baharu dan mengikuti langkah pencegahan penyakit COVID-19.
- Menyimpan kad vaksinasi yang diberi oleh anggota kesihatan. Apabila anda mendapat dos pertama, anda akan diberi kad vaksinasi menunjukkan tarikh dan waktu anda perlu mendapatkan dos kedua vaksin COVID-19.

40 **APAKAH TINDAKAN YANG PERLU DILAKUKAN SEKIRANYA MENGALAMI DEMAM SELEPA SUNTIKAN VAKSIN?**

Demam sering berlaku selepas suntikan vaksin. Ini biasanya berlaku dalam tempoh 48 jam selepas suntikan vaksin. Demam selalunya akan sembuh sendiri dalam jangka masa 48 jam selepas ia bermula.

Dapatkan rawatan lanjut di klinik kesihatan berhampiran jika anda:

- Mengalami demam selepas 48 jam menerima suntikan vaksin
- Mengalami demam untuk tempoh melebihi 48 jam
- Mengalami gejala jangkitan COVID-19
- Tinggal dengan seseorang yang mengalami gejala jangkitan COVID-19 atau telah dikesan positif untuk jangkitan COVID-19

41 **APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN SEKIRANYA SAYA MENGALAMI KESAN SAMPINGAN SELEPAS SUNTIKAN?**

Penerima vaksin perlu membuat pemantauan tahap kesihatan masing-masing. Sekiranya anda mengalami kesan sampingan ringan yang memerlukan ubat untuk melegakan gejala, anda boleh mendapatkan rawatan di klinik kesihatan yang berhampiran. Sekiranya anda mengalami kesan sampingan teruk, sila dapatkan rawatan segera dari klinik kesihatan atau hospital terdekat. Sekiranya anda mengalami kesan sampingan selain yang telah dinyatakan di atas, sila lapor ke klinik kesihatan berhampiran juga. Terdapat kemungkinan kesan sampingan yang lain yang belum dilaporkan.

42 **BAGAIMANAKAH UNTUK MELAPORKAN KESAN SAMPINGAN ATAU KESAN ADVERS SUSULAN IMUNISASI (AEFI)?**

Laporan AEFI boleh dibuat melalui tiga (3) cara:

- Laporkan melalui aplikasi MySejahtera
- Laporkan secara dalam talian di laman web rasmi Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)
- Memaklumkan kepada anggota kesihatan yang merawat kesan sampingan. Anggota kesihatan boleh membantu anda membuat laporan AEFI kepada NPRA.

Laporan AEFI yang dihantar dapat membantu dalam pemantauan kesan sampingan dan keselamatan vaksin yang ada di pasaran.

43 BAGAIMANA SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LEBIH LANJUT BERKAITAN VAKSIN?

- Sekiranya anda ingin mendapatkan maklumat lebih lanjut, sila bertanya kepada petugas kesihatan berhampiran
- Anda juga boleh melayari laman sesawang yang mengandungi maklumat yang lebih tepat dan dipercayai seperti:

WHO : www.who.int

CDC : <https://www.cdc.gov/coronavirus/2019-ncov/index.html>.

FDA : <https://www.fda.gov/emergency-preparedness-and-response/mcmlegal-regulatory-and-policy-framework/emergency-use-authorization>

Laman web JKJAV: <https://www.vaksinovid.gov.my>

SUMBER:

- **PASUKAN KOMUNIKASI RISIKO CPRC KEBANGSAAN**
- **BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT**

DITERBITAN OLEH:

**BAHAGIAN PENDIDIKAN KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
2021**

DIKEMASKINI PADA 3 OGOS 2021



